

25/07/1997

Bersama tangkis spekulator

PETALING JAYA, Khamis - Asean memerlukan pendirian seragam bagi menangani masalah serangan spekulatif mata wang negara anggotanya termasuk mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang bagi menyekatnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Asean mempunyai kerjasama dan peraturan tertentu berhubung mata wang, ia belum cukup berkesan bagi menangani masalah yang dihadapi sekarang.

Sambil mempertahankan kenyataannya bahawa kejatuhan nilai mata wang negara anggota Asean akibat permainan spekulator tertentu yang bermotifkan politik, Perdana Menteri berkata, gagasan itu sedang mengkaji semua aspek kerjasama dalam usaha menangani masalah itu.

Bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 di sini hari ini, Dr Mahathir juga berkata, kerjasama bank pusat di semua negara Asean boleh membantu mengurangkan tekanan spekulatif mata wang walaupun ia belum memadai.

"Saya tidak dapat memastikan cara mana mereka dapat menghalang serangan spekulatif terhadap mata wang di rantau ini, namun dengan bekerjasama menghadapi masalah yang sama, kita akan mampu menanganinya," katanya.

Mengenai dakwaan ahli ekonomi bahawa serangan itu wujud kerana asas ekonomi semakin lemah, Perdana Menteri berkata, ia boleh berlaku di mana-mana negara.

"Tetapi saya tidak menganggap asas ekonomi kita tidak baik, malah kebanyakan syarikat di negara Asean menunjukkan prestasi baik berbanding mereka di Eropah.

"Untuk menjadikan perkara itu sebagai alasan bagi mengenakan tekanan terhadap mata wang dan cuba mengaut keuntungan daripada keadaan yang berlaku adalah tidak wajar," katanya.

Dr Mahathir percaya ada individu tertentu yang bertanggungjawab terhadap serangan itu yang pastinya mempunyai banyak wang.

"Memang ada spekulator...mereka yang banyak wang dan membuat spekulasi. Saya fikir anda mengenali mereka sebagaimana saya tetapi saya tidak mahu menamakan mereka," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, amat jelas wujud usaha untuk merosakkan ekonomi negara Asean dengan menggugat kestabilan mata wang mereka.

(END)